



**ERMELIA ROHAYU RAMLAN (duduk) bersama bapanya, Ramlan Abdul Rahman dan ibu, Ermiza Razali (kiri) serta ahli keluarga yang lain merayakan saat bersejarah dalam hidup graduan berkenaan dalam Istiadat Konvokesyen Universiti Putra Malaysia Ke-39 di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, Serdang, Selangor, semalam. -MINGGUAN/SAIFUL BAHARI ASHARI**

# Ermelia graduan cemerlang UPM 2015

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**  
 pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 31 OKT.**

**G**RADUAN Sarjana Muda Sains Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Ermelia Rohayu Ramlan melakar sejarah tersendiri apabila dinobatkan sebagai Pelajar Cemerlang 2015 selain merangkul empat pingat emas pada Majlis Konvokesyen UPM ke-39, hari ini.

Menurut graduan yang berasal dari Kuala Lumpur itu, kejayaan tersebut merupakan hasil sokongan dan bimbingan ibu bapa, pensyarah dan juga rakan-rakan.

“Syukur kepada Allah SWT atas kejayaan ini dan saya juga dimaklumkan bahawa ini merupakan kali pertama graduan menerima empat pingat emas.

“Pengkiktirafan ini mungkin berkat daripada usaha yang gigih untuk mencapai kecemerlangan bukan sahaja dalam bidang akademik malah kokurikulum,” katanya

ketika ditemui selepas Majlis Konvokesyen UPM ke-39 di Serdang, dekat sini hari ini.

Majlis pengurniaan itu telah disempurnakan oleh Tuanku Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang turut berkenan menyampaikan ijazah kepada sebahagian daripada 7,056 graduan yang menamatkan pengajian di universiti berkenaan.

Ermelia Rohayu, 26, telah dikurniakan Pingat Emas Canselor, Pingat Emas Pelajaran Diraja, Pingat Emas Alumni dan Pingat Emas Profesor Emeritus Tan Sri, Dr. Rashdan Baba.

Ditanya rahsia di sebalik kejayaan itu, beliau memberitahu, tiada rahsia selain sentiasa komited dan konsisten dalam pengajian.

“Namun saya berpegang kepada moto lakukan dengan terbaik supaya tiada penyesalan, yang menjadi pendorong ke arah mencapai matlamat yang diingini.

“Di samping itu, saya juga bersyukur kerana ibu bapa tidak pernah memberi sebarang tekanan dan paksaan sebaliknya memberikan

sokongan dan bimbingan kepada apa yang dilakukan,” katanya.

Dalam pada itu, turut mencuri tumpuan pada majlis berkenaan ialah graduan Sarjana Muda Sains Komputer, Suhazli Muhammad yang tidak menjadikan kekurangan dilahirkan tanpa kedua-dua belah tangan dan kaki sebagai penghalang untuk bergelar pemegang ijazah.

Menurut anak bongsu daripada lapan adik beradik itu, kejayaan beliau itu membuktikan bahawa golongan orang kurang upaya (OKU) juga mampu meraih cita-cita yang diingini.

“Kekurangan ini tidak menjadi penghalang tetapi kalau ada usaha dan kemahuan di situ ada jalan, saya berharap pelajar OKU lain tidak bera-sa rendah diri atau putus asa kerana kejayaan itu tidak akan datang dengan mudah kalau kita tidak berusaha.

“Saya juga menjadikan adik beradik saya sebagai pendorong kerana mereka semua berkelulusan,” kata graduan yang berasal dari Ketereh, Kelantan itu.